



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (02 JANUARI 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini terdapat **lima (5) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Sibu (4) dan Bintulu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,130 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **I. Daerah Bintulu: Saringan Individu Datang dari Semenanjung Malaysia: (1 Kes Import-B)**

**Kes 1,126** merupakan seorang kanak-kanak lelaki warga tempatan (Kedah) berumur 5 tahun yang telah masuk ke Sarawak bersama ibu dan bapa beliau melalui Lapangan Terbang Bintulu dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 31 Disember 2020. Kes masuk ke Sarawak kerana bapa beliau yang akan memulakan pekerjaan di sebuah syarikat perladangan di Bintulu.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 setelah tiba di Lapangan Terbang Bintulu pada 31 Disember 2020 dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin bagi menjalani arahan kuarantin wajib selama 14 hari. Kes telah mula mengalami demam pada 01 Januari 2020 dan ujian saringan didapati positif pada hari yang sama.

Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan COVID-19 semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di Selangor. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak-kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan.

## **II. Daerah Sibu: Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak kepada Kes Positif COVID-19: (4 Kes Import-C)**

**Kes 1,127, 1,128, 1,129 dan 1,130** merupakan empat (4) orang wanita warga tempatan (Sarawak) yang telah disaring kerana mempunyai kontak rapat kepada kes 1,115. Kesemua kes ini bekerja di tempat yang sama dan tinggal di Daerah Sibu. Seorang daripada kes adalah kakak kepada kes 1,115 dan selainnya adalah kawan dan rakan sekerja kepada kakak beliau.

Keempat-empat kes ini telah mengadakan kunjungan dan bermalam di rumah kes 1,115 (Kes Indeks) pada 24 hingga 26 Disember 2020. Kes-kes ini telah dikenalpasti sebagai kontak rapat kepada kes indeks pada 30 Disember 2020 semasa siasatan kes. Kes telah diarahkan untuk menjalani saringan COVID-19 pada 31 Disember 2020 di klinik kesihatan di Sibu dan diberikan arahan kuarantin pada hari yang sama. Keputusan ujian rT-PCR didapati positif pada 01 Januari 2021.

Seorang kes telah mengalami batuk pada 31 Disember 2020 dan kes yang lain tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan COVID-19.

Kesemua kes telah dirujuk dan dimasukkan wad pengasingan di Hospital Sibu untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import C yang mana telah mendapat jangkitan daripada kes 1,115 semasa melakukan kunjungan ke rumah kes yang berada di Daerah Maradong. Siasatan lanjut kes ini dan pengesanan semua kontak-kontak lain kepada kes ini masih dilakukan.

## **B. Pengisytiharan Kluster Baharu: Kluster Mador, Meradong**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak mengisytiharkan sebuah kluster baharu iaitu **Kluster Mador** yang melibatkan Daerah Meradong dan Daerah Sibu di Sarawak. Indeks kes kepada kluster ini ialah kes 1,115 yang telah dikesan pada 30 Disember 2020 hasil saringan kes kemasukan individu yang balik dari Semenanjung Malaysia. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini setakat hari ini adalah seramai lapan (8) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 322 individu telah disaring, dimana:

- 8 kes dikesan positif COVID-19 (4 kes baharu);
- 201 individu negatif; dan
- 113 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 2.49%.

Sehingga 02 Januari 2021, jam 12:00 tengah hari, kesemua lapan (8) kes masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian melibatkan kluster ini dilaporkan.

### **C. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Tedapat **dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini di Hospital Sibu (1) dan Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,071** orang atau **94.78%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **38** orang iaitu:

- 14 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 10 kes di Hospital Sibu;
- Tujuh (7) kes di Hospital Miri;
- Enam (6) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Sungai Buluh.

Hari ini, **tujuh (7) PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Sibul telah bertukar status daripada status Kuning kepada status Hijau** setelah tiada jangkitan tempatan yang dikesan di daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Kuching, Meradong, Bintulu dan Lawas kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan sepuluh (10) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu di Daerah Kuching (4), Meradong (3), Bintulu (2) dan Lawas (1). Manakala 35 daerah lain kekal berstatus hijau.

#### **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah menangkap seorang warga tempatan pemilik KTV & Lounge di Bintulu berserta 14 pelanggan wanita warga asing terdiri daripada warganegara Filipina (2) dan China (14) kerana melanggar SOP iaitu tidak mengamalkan penjarakan fizikal. Selain itu, sebanyak **34 kompaun** telah dikeluarkan di Daerah Bintulu (32) dan Kuching (2) kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **49 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (22), SMC (10), MBKS (5), DBKU (5), MD Lawas (5), MPKS (1) dan MD Serian (1).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**02 JANUARI 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	1125	Total Cases still in ward	38	3.36%
New Cases	5	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	214,035	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1130	Total Death Cases	19	1.68%
IR per 100,000 population	36.63	Recovered and discharged cases	1,071	94.78%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	0	10,001	7	11,133
Pending Result	2	2		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	14	10	6	7	1	38
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	0	1	0	1	2
	Cummulative	888	46	50	81	1067
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Meradong	0	39	0	4	0	0	0	0	4	4	3
2	Lawas	0	30	0	12	0	11	0	0	1	1	1
3	Bintulu	1	336	1	57	0	50	0	0	7	7	2
4	Kuching	2	7,532	0	734	0	711	0	12	11	13	4
Jumlah		3	7,937	1	807	0	772	0	12	23	25	10

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**



DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sibu	4	137	4	31	1	26	0	0	5	5	0
2	Serian	0	337	0	27	0	27	0	0	0	0	0
3	Miri	0	921	0	66	1	59	0	1	6	7	0
4	Lundu	0	262	0	8	0	7	0	0	1	1	0
5	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
6	Samarahan	0	609	0	116	0	112	0	4	0	0	0
7	Lubok Antu	0	29	0	4	0	4	0	0	0	1	0
8	Bau	0	189	0	7	0	7	0	0	0	0	0
9	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
10	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
11	Tebedu	0	9	0	4	0	3	0	0	1	1	0
12	Asajaya	0	46	0	7	0	5	0	0	2	2	0
13	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	0	0
14	Betong	0	191	0	17	0	16	0	0	1	1	0
15	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	15	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>3,196</b>	<b>4</b>	<b>323</b>	<b>2</b>	<b>299</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>17</b>	<b>18</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>7</b>	<b>11,133</b>	<b>5</b>	<b>1,130</b>	<b>2</b>	<b>1,071</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>40</b>	<b>43</b>	<b>10</b>

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **589 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **43 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,601 orang**. Manakala seramai **47,076 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 02.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,024)</b>	Hock Lee	101
2		Kuching Park	115
3		Pullman	159
4		Hilton	279
5		Harbour View	109
6		Riverside (Astana Wing)	184
7		Grand Margherita	284
8		Imperial Boulevard	248
9		Tune Hotel	25
10		Dormani Hotel	29
11		Grand Continental	147
12		Meritin	50
13		Longhouse	66
14		Abell	52
15		Lot 10	47
16		Telang Usan	30
17		Imperial Riverbank	99
18	<b>Miri (835)</b>	Mega Hotel	72
19		Somerset	44
20		Imperial Palace	183
21		Eastwood Valley	66
22		Imperial New Wing	70
23		Paragon	55
24		Meritz	116
25		Miri	28
26		Dynasty	146
27		Kenyalang Suite	15
28	Citi Hotel	23	
29	Nova	17	
30	<b>Bintulu (302)</b>	Wasan Inn	35
31		Fairfield by Marriot	83
32		Kidurong Inn	41
33		Motel Kapok	41
34		Faber Inn	25
35		AA Inn	17
36		Ambassador	60
37	<b>Limbang (117)</b>	Purnama	20
38		Seri Malaysia (Lawas)	54
39		Mandarin (Lawas)	43
40	<b>Sibu (156)</b>	Premier	156
41	<b>Samarahan (150)</b>	INFRA	72
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	78
43		<b>Sarikei (17)</b>	Garden Hotel

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **empat (4) lokasi di Sarikei (2), Kuching (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,128 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 02.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>716</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>439</b>
3	Sibu	TIADA	201
4	Samarahan	TIADA	139
<b>5</b>	<b>Sarikei</b>	<b>2</b>	<b>122</b>
6	Bintulu	TIADA	121
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	72
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,128</b>

**4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **28 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 02.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	SMC	9
4	MCC	11
5	MD Marudi	3
6	MD Lawas	1
<b>Jumlah</b>		<b>28</b>